

Sedia ruang khas merokok

Zuraida pertahan kenyataan minta pandangan awam

KPKT mahu contohi pendekatan Kerajaan Korea Selatan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@nstp.com.my

Putrajaya: Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin mempertahankan kenyataannya sebelum ini mengenai penyediaan ruang khas merokok dengan memberi contoh pendekatan dilakukan Kerajaan Korea Selatan.

Menerusi ciapan di Twitternya semalam, beliau melontarkan cadangan kepada orang ramai sama

ada bersetuju sekiranya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyediakan ruang merokok berkenaan.

Beliau turut berkongsi beberapa keping gambar ruang merokok terbuka dengan tempat duduk berbumbung bagi menyokong cadangannya.

"Di Korea, puntung rokok tidak dibuang merata-rata dan mereka ada ruang khas merokok. Kebersihan dijaga dan puntung rokok tidak bersepah.

"KPKT menyokong Kementerian Kesihatan melarang merokok di tempat awam bermula 1 Januari 2020. Jika kita sediakan ruang merokok begini? Anda setuju?" katanya.

Pada Ahad lalu, Zuraida menerusi satu kenyataan berkata, KPKT akan meminta semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara, menyediakan ka-

wasan khas di lokasi yang berseesuaian untuk perokok.

Katanya, arahan itu dibuat bagi menyokong inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mengeluarkan arahan larangan merokok di semua tempat makan awam bermula 1 Januari 2020.

Pengguna Twitter dalam reaksi balas kepada ciapan Zuraida, turut memberi tambahan cadangan bagi menyokong usaha penyediaan ruang khas itu dan ada juga yang berpandangan berbeza.

AS. @AkmalSafwan berkata: "Setuju. Tapi *make sure* (pastikan) tempat merokok ni jauh sikit dari kawasan pejalan kaki. Pejalan kaki bukannya dari kalangan orang dewasa, kadang-kadang ada anak kecil yang lalu lajang," katanya.

Shinichi @arefyf pula mencadangkan supaya ruang khas yang bertutup disediakan kepada perokok sebagai usaha mendidik

KPKT menyokong Kementerian Kesihatan melarang merokok di tempat awam bermula 1 Januari 2020. Jika kita sediakan ruang merokok begini? Anda setuju?

Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan



masyarakat lebih berdisiplin.

@amirulfaizan berkata "kenapa-palaa dari tempoh pengenalan tahun lepas sampai tempoh penguatkuasaan, tidak dibuat benda macam ini awal2?"

Larangan merokok di semua restoran dan premis makanan akan dikuatkuasakan serta-merta pada 1 Januari 2020.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye ketika mengumumkan larangan itu baru-baru ini berkata, mereka yang melakukan kesalahan itu akan dikenakan denda RM250, namun boleh dikurangkan ke RM150, jika denda itu dibayar dalam tempoh kurang daripada sebulan.

Kementerian Kesihatan, KPKT pernah bincang



Cadangan KPKT itu sangat dialu-alukan kerana ia memberi kemudahan kepada semua pihak dan bertepatan inisiatif KKM untuk melarang merokok di semua tempat makan.

Dr Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) pernah mengadakan perbincangan untuk menyediakan ruang khas merokok seperti yang ingin dilaksanakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata cadangan KPKT itu sangat dialu-alukan kerana ia memberi kemudahan kepada semua pihak dan bertepatan dengan inisiatif KKM untuk melarang merokok di semua tempat makan.

"Kami pernah berbincang untuk mengadakan ruang sedemikian dengan KPKT dan apabila

pihak mereka ingin mengadakan inisiatif itu, ia adalah amat baik dan dialu-alukan.

"Perkara (penyediaan ruang khas) ini juga bukan di bawah bidang kuasa kami sebaliknya pihak berkuasa tempatan, yang akan memberi kemudahan kepada orang awam," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Ditanya adakah penyediaan ruang khas itu bakal menggalakkan aktiviti merokok, Boon Chye menolak tanggapan itu sebaliknya berkata, ia memberikan banyak kelebihan kepada masyarakat.

Menteri Perumahan dan Kera-

jaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin pada Ahad menyatakan, pihaknya akan meminta semua PBT di seluruh negara menyediakan kawasan khas di lokasi berseesuaian untuk perokok.

Arahan itu sebagai menyokong KKM yang mengeluarkan arahan larangan merokok di semua tempat makan awam bermula 1 Januari 2020.

Menerusi ciapan di Twitternya pula, Zuraida mempertahankan kenyataan beliau dari memberikan contoh penyediaan ruang khas merokok itu adalah seperti pendekatan yang dilaksanakan Kerajaan Korea Selatan.